



DALIL-DALIL HUKUM SYARAK YANG TIDAK DISEPAKATI

Pengertian: • Dalil yang menjadi perselisihan ulama' sama ada boleh diterima sebagai sandaran hukum syarak atau tidak



1. Istihsan (الأستحسان)

Pengertian	Bahasa:	Menganggap sesuatu sebagai baik
	Istilah:	Mendahulukan Al Qiyas yang tersembunyi (خفي) berbanding dengan Al Qiyas yang jelas (جلي) disebabkan sesuatu dalil atau mengecualikan suatu permasalahan daripada kaedahnya yang umum disebabkan terdapat dalil khas yang lebih kuat
Pembahagian	1.	Mendahulukan Qiyas yang tersembunyi (خفي) berbanding dengan Qiyas yang jelas (جلي)
	Qiyas (جلي)	Doktor lelaki hukumnya adalah sama dengan hukum lelaki ajnab lain iaitu haram melihat aurat wanita.
	Qiyas (خفي)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Doktor tersebut dibenarkan untuk melihat aurat yang diharamkan kerana ingin menyelamatkan nyawa ✓ Dibenarkan memakan bangkai disebabkan lapar yang keterlaluan
	2.	<p>Mengecualikan sesuatu permasalahan daripada jaedahnya yang umum disebabkan terdapat dalil khas yang lebih kuat</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Hukum suci bagi air perigi yg terdapat najis/bangkai kerana terdapat keperluan untuk menggunakannya ✓ Keadaan darurat
Autoriti	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Imam Hanafi, Hanbali & Maliki menerima ✓ Imam Syafie – menolak kerana menentukan hukum berdasarkan akala dan hawa nafsu. 	

2. Istishab (الاستصحاب)

Pengertian	Bahasa	Meminta supaya bersama dan meminta supaya dikekalkan bersama
	Istilah	Mensabitkan atau menafikan hukum sesuatu perkara pada masa kini atay pada masa hadapan berdasarkan kepada hukumnya pada masa lalu disebabkan tiada dalil yang mengubahnya
Contoh:	1.	<p style="text-align: center;"></p> <p>Maksud: Pada hari ini dihalalkan bagi kamu yang baik².</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Menghalalkan semua jenis makanan yang baik-baik ✓ Makanan tidak boleh diharamkan kecuali bersandarkan kepada dalil – pengharaman babi/ bangkai
	2.	Seseorang itu tidak boleh disabitkan dengan sebarang kesalahan kecuali jika terdapat bukti yang menunjukkan sebaliknya
Autoriti	1.	Mazhab Maliki, Syafie & Hanbali – dalil syara’ secara mutlak [jumhur ulama’]
	2.	Mazhab Hanafi – dalil bg mengekalkan hukum tetapi bukan dalil mensabitkan hukum yg baharu
<p>Hilang Tanpa Khabar Berita</p> <ul style="list-style-type: none"> ➔ Jumhur Ulama’: haknya yang sabit tidak boleh diambil oleh orang lain, boleh menerima hak yang baharu sepanjang tempoh kehilangan ➔ Mazhab Hanafi – hak yang sabit masih kekal tetapi tidak boleh menerima hak yang baharu 		

3. Al Masalihul Mursalah (المصالح المرسله)

Pengertian	Bahasa	المصالح	Kebaikan dan kemaslahatan
		المرسله	Bebas daripada sebarang ikatan
	Istilah	Kebaikan yang bersesuaian dengan kebaikan yang dianjurkan oleh syara' tetapi tiada nas syara' secara khusus mengiktiraf atau menolaknya.	
Contoh	1.	Undang ² jalan raya yang mempunyai kebaikan tetapi tidak memounyai nas syarak yang menerima atau menolaknya	
	2.	Peraturan ² sekolah yang bertujuan untuk menjaga kepentingan pelajar walaupun ia tidak mempunyai sandaran dalil syarak secara khusus.	
Pembahagian	ضروريات	Menjadi asas kehidupan manusia suaya kehidupan mereka tidak rosak dan binasa [berkahwin jika mampu/ kewajiban mempelajari ilmu agama]	
	حاجيات	Diperlukan dalam kehidupan manusia bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan dengan mudah/ elak dari kesusahan [jual beli di internet]	
	تحسينيات	Tambahan yang menjadikan kehidupan manusia lebih berkualiti dan selesa [memakai pakaian mengikut fesyen semasa ttp mengikut syarak]	
Autoriti	1.	Jumhur ulama' - menerima sbg sandaran hukum syarak krn selari dengan kemaslahatan yang terkandung dlm nas ² syarak. Jika tidak dibenarkan, kebaikan yang terdapat akan diharamkan dan akan menyusahkan kehidupan manusia.	
	2.	Imam Ibn Al Hajib & Imam Al Amidi – tolak: boleh mencemarkan kesucian Islam jika hukum agama boleh ditentukan berdasarkan kpd kebaikan yg difikirkan oleh akal & hawa nafsu.	

4. Qaulun Sahabi (قول الصحابي)

Pengertian	Bahasa	قول	Kata-kata atau pandangan
		صحابيت	Golongan yang pernah berjumpa & beriman dengan Rasulullah serta berdamping dgn baginda utk satu tempoh yang lama & mati dalam keadaan Islam.
	Istilah	Fatwa/Pandangan/Mazhab sahabat Rasulullah dalam satu permasalahan yang tiada hukum daripada nas dan tidak disepakati oleh mereka.	
Autoriti	1.	Kata ² sahabat yang bukan berasaskan kepada Ijtihad dianggap sebagai perkara yang mereka ambil daripada Rasulullah dan diterima oleh ulama' sbg hujah [kata2 sahabat yg menggambarkan syurga dan neraka]	
	2.	Pandangan yg disepakati oleh sahanat adalah dianggap الإجماع & hujah seperti kesepakatan sahabat untuk mengumpul Al Quran/ perlantikan Abu Bakar sbg khalifah	
	3.	Pandangan sahabat yg berasaskan kpd ijtihad menjadi perselisihan dalam kalangan ulama' sama ada hujah syarak atau tidak.	
	a	Imam Abu Hanafiah/Malik/Syafie/Ahmad- terima sbg hujah kerana sahabat adalah golongan yg lama bersama Rasulullah, lebih memahami tujuan hukum Al Quran diturunkan, pandangan lebih layak diterima.	
	b	Ulama' Kalam (علماء أشاعرة) – menolak sng hujah. Allah memerintahkan kita mengikut Al Quran & As Sunnah dalam semua perkara. Pandangan sahabat tidak termasuk dalam dua sumber tersebut. Oleh itu, qaulun sahabi tidak boleh digunakan sbg hujah.	

5. Saddu Zara'i (سد الذرائع)

Pengertian	Bahasa	سد	Menutup
		الذرائع	Jalan untuk sampai kepada sesuatu perkara sama ada perkara baik atau buruk.
	Istilah	Mencegah perkara yang harus yang boleh mendatangkan kemudharatan.	
Autoriti	1.	Pasti mendatangkan kemudharatan – membuang sisa toksik ke dalam sungai [diharamkan menurut ijma' ulama kerana secara pasti memberikan kemudharatan kpd orang ramai]	
	2.	Jarang ² mendatangkan kemudharatan – menanam anggur [tidak dilarang menurut ijma' ulama kerana kebaikan menanam anggur lebih besar daripada keburukannya]	
	3.	Lebih banyak mendatangkan kemudharatan daripada kebaikan – menjual anggur kepada pembuat arak [diharamkan oleh ulama' mazhab Maliki dan Hanbali, mazhab Syafie dan Zahrawi tidak mengharamkannya]	
	4.	Diharuskan tetapi digunakan oleh Mukallaf tidak seperti yg dituntut oleh syarak- perkahwinan yang digunakan untuk mengharus Wanita yang dicerai dengan talak tiga kembali kepada bekas suaminya [haram oleh mazhab Maliki dan Hanbali, diharuskan oleh ulama' mazhab Syafie dan Zahrawi]	

6. Al Urf Wal A'dah (العلاف و العادة)

Pengertian	Bahasa	Pengetahuan
	Istilah	Perkara yang menjadi kebiasaan masyarakat sama ada berbentuk perkataan atau perbuatan.
Contoh	1.	Perkataan daging merujuk kepada daging haiwan selain ikan. Adat ini dinamakan عرف قولي kerana berikat dengan percakapan.
	2.	Memakai kasut di dalam rumah tidak dibenarkan menurut adat Malaysia tetapi diharuskan oleh sesetengah masyarakat di Barat. Adat ini dinamakan عرف عملي kerana berkait dengan sesuatu perbuatan.
Pembahagian	1.	Sahih – tidak bercanggah dengan syarak/ tidak menjejaskan kemaslahatan/ tidak mendatangkan kemudaratan [Cth: memberi hadiah ketika bertunang]
	2.	Fasid – bercanggah dengan syarak / menjejaskan kemaslahatan / mendatangkan kemudaratan [Cth: pergaulan bebas antara tunang atau pasangan yang bukan suami isteri]
Autoriti	1.	Mazhab Hanafi/Maliki – menerima sbg dalil bagi hukum syarak JIKA ia tidak berlawanan dengan nas ² syarak. Terdapat kaedah fiqh yg berkaitan iaitu العادة المحكمة
	2.	Mazhab Syafie hanya menerima yg berkaitan dengan perkataan sahaja iaitu عرف قولي dan tidak menerima yg berkaitan عرف عملي.

Usaha-usaha & Tindakan untuk menjadikan dalil hukum syarak tidak disepakati sebagai panduan untuk melaksanakan ketetapan khitabullah (خطاب الله)

Sentiasa mematuhi peraturan² sekolah kerana ia bertujuan untuk memberikan kebaikan kepada semua murid.

Memelihara harta benda awak kerana ia diwujudkan untuk menajga kemaslahatan orang ramai.

Mematuhi undang² kerana ia boleh mendatangkan manfaat kepada individu dan masyarakat serta menjauhi perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Berusaha meninggalkan tuntutan agama kerana ia hanya mendatangkan kemudaratan dan kemurkaan Allah.

Menjauhkan diri daripada perkara yang boleh membahayakan diri sendiri seperti merokok atau mengambil dadah kerana ia dilarang oleh syarak dan hanya mendatangkan akibat yang buruk.